

# KKTF anjur Debat Piala Orator KKTF 2019

UB 21.3.2019 82

KOTA KINABALU: Penganjuran Debat Piala Orator KKTF (Debora) 2019 sekali lagi mencipta fenomena tersendiri dengan penganjuran kali kelima berturut-turut.

Program ini dijalankan pada 2 hingga 3 Mac lalu bertempat di Kolej Kediaman Tun Fuad (KKTF).

Kali ini penyertaan 18 pasukan debat termasuk lima pasukan daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang terdiri daripada pasukan debat Kelab Debat Bahasa Melayu UMS, Kelab Debat KKTF, dan Kelab Debat UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Selain itu juga, pertandingan kali ini turut disertai oleh pasukan debat dari Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Teknologi Mara Kampus Segamat Johor (UiTM Kampus Segamat), Universiti Teknologi Mara Kampus Kota Kinabalu (UiTM Kampus KK), Universiti Sains Malaysia (USM), Politeknik Kota Kinabalu, Politeknik Mukah Sarawak, Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, dan Kolej Teknikal Yayasan Sabah.

Penganjuran Debora 2019 pada kali ini bermula dengan empat pusingan awal di peringkat liga sebelum menentukan lapan pasukan terbaik untuk ke pusingan suku akhir, pusingan separuh akhir dan pusingan akhir.

Pihak penganjur menyediakan 15 usul yang merangkumi pelbagai

tema seperti antarabangsa, ekonomi, politik, pendidikan dan sosial untuk dibahaskan.

Menurut Pengarah Program Debora 2019 Nur Fadzlin Fadzil, penganjuran program debat seperti ini dapat menyemai semangat dan budaya membaca aras tinggi dalam kalangan pelajar agar lebih berpengetahuan.

Selain itu juga program ini dapat menerapkan budaya perdebatan dan pengucapan awam yang sihat serta menerapkan nilai serta sikap positif dari segi intelek dan akademik dalam kalangan mahasiswa.

Diperingkat separuh akhir, pasukan USM menewaskan pasukan UMS KDBM A, sementara itu pasukan UTP pula menewaskan pasukan UiTM KK A untuk layak ke pusingan akhir. Selain itu juga, lima pendebat terbaik selepas tamat pusingan liga menyaksikan penguasaan dua tempat teratas oleh pendebat daripada pasukan USM dan tiga lagi pendebat adalah daripada pasukan UTP.

Dalam pertandingan akhir, pasukan UTP bertindak sebagai kerajaan dan pasukan USM sebagai pasukan pembangkang. Kedua-dua pasukan ini membahaskan usul 'Keusahawanan belia Sabah hanya boleh dibangunkan secara mampan menerusi industri berdasarkan teknologi dan inovasi'.

Pertandingan pusingan akhir ini menobatkan pasukan USM sebagai juara

baharu dengan menewaskan UTP, yang pernah menjadi penyandang juara bagi edisi Debora 2018.

Pendebat terbaik bagi pusingan ini diberikan kepada Andi Syaiful Andi Radi daripada pasukan UTP.

Dalam majlis itu, Pengarah Pusat Perumahan Pelajar dan Hospitaliti Talib Abdullah Shani merasmikan program itu mewakili Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

Menurut beliau, program seumpama ini wajaditeruskan untuk menjadi medium terbaik dalam meningkatkan penguasaan pengucapan awam pelajar.

Penganjuran Debora 2019 cukup sinonim dengan langkah pihak Kementerian Pengajian Tinggi dalam mempromosikan budaya pengucapan awam di institusi pengajian tinggi.

Program ini diharapkan mampu memberikan impak positif kepada budaya akademik dan pemikiran kritis untuk melahirkan modal insan kelas pertama. Selain itu juga, program yang mengangkat nilai ilmu seperti ini akan mendapat sokongan daripada pelbagai pihak untuk memastikan penganjuran program ini akan diteruskan pada masa akan datang.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin menyokong baik aktiviti pengucapan awam ini dilaksanakan dan diadakan secara aktif di UMS.



JUARA Debora 2019 dari USM menerima hadiah daripada Talib.